

# Usul pindaan Amla tepat pada waktunya

Pindaan seiring dengan perubahan demografik dalam masyarakat Islam Singapura  
dan dapat elak kerumitan masalah

► NORHAIZA HASHIM  
norhaiza@ph.com.sg

Si suami menamatkan talak kepada isteri, namun tidak memfailkan perceraian itu di mahkamah.

Dari segi hukum agama, perceraian telah berlaku, tetapi pasangan itu boleh rujuk semula dalam tempoh idah.

Namun, dari segi undang-undang, perceraian itu belum difailkan, menyebabkan status isteri itu dipersoral.

Untuk menguraikan masalah itu, satu usul pindaan Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Amla) dibentangkan bagi membenarkan suami menuntut cerai tanpa menamatkan talak di luar Mahkamah Syariah.

Buat masa ini, hanya isteri boleh berbuat demikian, sementara tiada kewajipan pada suami yang telah melafaz talak memulakan proses perceraian, kata Kementerian Kebudayaan, Masyarakat dan Belia (MCCY), dalam Kertas Perundingan yang diterbitkan bagi membentangkan usul pindaan itu.

Perubahan itu adalah antara usulan penting yang dibentangkan dalam Rang Undang-Undang Pentadbiran Undang-Undang Islam (Pindaan) oleh Menteri Bertanggungjawab bagi Etwal Masyarakat Islam, Dr Yaseen Ibrahim, bagi bacaan pertama di Parlimen baru-baru ini.

Pindaan itu penting kerana kali terakhir Amla disemak secara besar-besaran adalah 18 tahun lalu.

Pegawai dan seorang rakan kongsi di syarikat guaman Dentons Rodyk & Davidson LLP, Enck Zhulkarnain Abdul Rahim, menyifatkan usul pindaan itu bertepatan pada waktunya dan seiring dengan perubahan demografik dalam masyarakat Islam di Singapura.

"Demografik masyarakat Islam yang menggunakan sistem Mahkamah Syariah telah berubah pesat dengan bertambahnya bilangan rakyat Muslim Singapura yang tinggal di luar negara dan ekspatriat Muslim yang tinggal di Singapura, lalu mencetuskan isu yang tidak difikirkan sebelum ini," katanya.

Presiden Persatuan Pemuda Islam Singapura (PPIS), Cik Rahayu Mohamad, ketika diminta mengulas mengenai usul pindaan itu, menyambut baik semakan berterusan Amla agar kekal relevan dalam memenuhi keperluan masyarakat.

Cik Rahayu menyifatkan usul pindaan membenarkan lelaki menjadi plaintif bagi kes perceraian sebagai usul yang penting.

"Sedang kita mengkritik tidak ada kesan terhadap hak seorang suami Muslim menamatkan talak, kami dapati perubahan ini akan mendorong suami agar lebih bijak menilai apabila ingin bercerai."

"Peruntukan itu, yang memerlukan seorang suami Muslim bertanggungjawab melaporkan perceraian yang beliau mulakan, juga membolehkan isteri, yang melaporkan perceraian tetapi tidak memulakannya, mendapat pilihan beliau dipertimbangkan sebagai defendan," ujar Cik Rahayu.

Bersetuju dengan pendapat itu, Enck Zhulkarnain menyifatkan usul pindaan itu sebagai penting agar talak tidak ditamatkan sebarang-warengannya oleh suami.

"Pindaan Amla yang disiuskan itu diharap dapat menggalak suami memfailkan prosiding cerai daripada menamatkan talak dengan mudah."

"Ini akan membantu menguraikan kes-kes di mana suami menamatkan talak, tetapi tidak mengambil tindakan selepas itu dan pihak-pihak berkenaan tidak ke Mahkamah Syariah untuk mendaftarkan perceraian itu. Akibatnya, status isteri itu tidak menentu."

"Masalah menjadi rumit apabila bekas pasangan itu terus tinggal serumah dan mewujudkan masalah lain seperti isu nafkah dan lahirnya anak di luar nakh selepas talak ditamatkan," kata Enck Zhulkarnain.

Ustaz Firdaus Yahya pula berkata bahawa dari segi hukum agama, pasangan itu bercerai apabila talak ditamatkan suami.

"Tetapi, selepas talak ditamatkan, suami isteri mempunyai pilihan menjauhi dalam tempoh idah. Isteri juga masih mempunyai hak tinggal di rumah suami dan mendapat nafkah daripada suami semasa tempoh idah itu."

"Namun, pasangan itu perlu tuduh berasingan dan si isteri perlu menjaga aurat di depan bekas suami. Selepas tempoh idah berakhir, suami tidak perlu berikan nafkah kepada isteri dan isteri tidak ada hak untuk terus tinggal bersama suami," jelas Ustaz Firdaus.

Tempoh idah ialah tiga kali uzur atau tiga kali bersih daripada haid.

Usl pindaan Amla bagi membenarkan suami menuntut cerai tanpa menamatkan talak dapat memastikan suami tidak tergoop-gapah dalam melafatkan talak dan membolehkan pasangan itu menjalani kaunseling terlebih dahulu, tambah beliau.

Sementara itu, pegawai duta kepada Halijah Mohamad & Co, Cik Halijah Mohamad, menyifatkan usul pindaan itu berguna tetapi boleh diperhalusi.

Antara isu itu termasuk ketidakpuayaan Mahkamah Syariah mendengar isu-isu sampingan yang timbul apabila perceraian berlaku di luar negara.

Satu lagi isu adalah penjelasan mengenai bidang kuasa Mahkamah Syariah untuk mendengar permohonan perceraian di Singapura bagi perkahwinan di luar negara yang melibatkan rakyat Singapura dan warga asing.



ENCK ZHULKARNAIN ABDUL RAHIM: Demografik masyarakat Islam yang menggunakan sistem Mahkamah Syariah telah berubah pesat, lalu mencetuskan isu yang tidak difikirkan, sebelum ini.



USTAZ FIRDAUS YAHYA: Usul pindaan yang membenarkan suami menuntut cerai tanpa menamatkan talak dapat memastikan suami tidak tergoop-gapah melafatkan talak dan pasangan jalani kaunseling.



CIK RAHAYU MOHAMAD: Sambut baik semakan berterusan Amla, malah menyifatkan usul pindaan membenarkan lelaki menjadi plaintif bagi kes perceraian sebagai usul penting.



CIK HALIJAH MOHAMAD: Antara isu yang boleh timbul termasuk ketidakpuayaan Mahkamah Syariah mendengar isu sampingan apabila perceraian berlaku di luar negara.

Menjelaskan, Cik Halijah berkata bahawa walaupun perceraian itu berlaku di luar negara, beberapa isu sampingan boleh timbul yang melibatkan pembahagian harta semasa berkahwin, pembayaran mutah dan nafkah idah yang tidak dipuaskan oleh mahkamah luar negara.

"Apakah yang berlaku kepada isu sampingan seperti bayaran mutah dan nafkah idah kepada bekas isteri dan pembahagian aset terutama jika ia melibatkan hartanah privet atau flat HDB di Singapura?"

"Biasanya, mahkamah asing tidak akan membuat arahan mengenai mutah, nafkah idah dan pembahagian aset di Singapura," kata Cik Halijah.

Beliau juga menimbulkan isu sama ada Mahkamah Syariah boleh mendengar permohonan perceraian bagi pasangan warga Singapura dan warga asing yang berkahwin di luar negara.

Perkahwinan itu dijalankan di luar negara kerana pasangan itu tidak dapat berkahwin di sini atau sebab-sebab tertentu seperti disebabkan undang-undang Kementerian Tenaga Manusia (MOM) atau lelaki itu sudah berkahwin.

Menurut Cik Halijah, bidang kuasa Mahkamah Syariah untuk mendengar permohonan perceraian tidak begitu jelas.

Pindaan itu harus menjadikan kedudukan lebih jelas. Contohnya, jika perkahwinan berlaku di luar Singapura kerana hambatan berkahwin di sini disebabkan, misalnya ia (perkahwinan itu) menyebabkan undang-undang MOM tidak dipatuhi, atau kelulusan tidak diterima bagi poligami, jadi di Mahkamah Syariah tidak mempunyai bidang kuasa untuk mendengar permohonan perceraian itu.

"Ini akan membantu pihak yang ingin berkahwin mengetahui kesan meneruskan perkahwinan itu," kata Cik Halijah.

Cik Rahayu pula menggariskan beberapa bidang yang boleh dilaksanakan dalam Amla. Selain satu usul pindaan ialah memwajibkan pasangan, di mana salah seorang daripada mereka berusia bawah 21 tahun, mengikuti program pendidikan perkahwinan (MPP) sebelum membuat permohonan rujuk di Pejabat Pendaftaran Perkahwinan Orang Islam Singapura (ROMM).

PPIS menyarankan agar pusat khas seperti Inspirasi PPIS dan Inspirasi@Angkatan Karyawan Islam (AMPI) menjadi penyedia yang dikitar ROMM untuk menjalankan MPP bagi pasangan muda berusia bawah 21 tahun agar data itu dapat diteliti dan mereka mudah dipantau.

Ia juga menyarankan agar ROMM diberi mandat menggariskan bilal pasangan berusia bawah 25 tahun yang ingin berkahwin menghadiri MPP jika perlu.

Selain itu, badan itu juga mengusulkan agar Amla mengistiharkan program persiapan perkahwinan dan/atau kaunseling sebagai komponen penting bagi perkahwinan semula di ma-

nah salah seorang atau kedua-dua pihak pernah berkahwin, serta bagi perkahwinan di mana suami mempunyai lebih daripada seorang isteri.

PPIS juga melahirkan keprihatinan apabila berlaku masalah apabila wali yang bakal menjalankan pernikahan tidak dikitar oleh kadi atau nakh kadi.

## Soal harta, surat pentadbiran pusaka – dua isu yang boleh beri keadilan kepada wanita

SATU undang-undang di bawah Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Amla) ketika ini menggariskan bahawa harta benda di dalam rumah dianggap sebagai dimiliki suami.

Tetapi, dengan ramainya isteri yang keluar bekerja dalam kehidupan hari ini, undang-undang itu tidak lagi sesuai.

Oleh itu, satu pindaan telah dikemukakan bagi menarik balik anggapan bahawa harta benda dalam rumah merupakan kepunyaan suami apabila dituntut kreditor atau peminang.

Dalam masyarakat Singapura yang moden, isteri biasanya bekerja atau mempunyai kuasa membeli mereka sendiri. Mereka memiliki aset atau harta di atas nama mereka. Jadi, tidak adil jika kreditor suami dibenarkan menuntut harta isteri. Dengan meniadakan anggapan bahawa harta benda dalam rumah adalah kepunyaan suami, ia memberi keadilan kepada isteri," kata pegawai dan seorang rakan kongsi di syarikat guaman Dentons Rodyk & Davidson LLP, Enck Zhulkarnain Abdul Rahim.

Langkah itu akan dapat melindungi hak isteri dan seterusnya, keadilan anak dalam perkahwinan tersebut.

Satu lagi usulan yang bertujuan memberi keadilan kepada isteri ialah pindaan terhadap surat pentadbiran. Ketika ini, jika seorang wanita Muslim meninggal dunia, waris lelaki diberi keutamaan untuk diberi surat pentadbiran bagi mendahiri harta pusaka si mati. Keutamaan tidak diberikan apabila lelaki Muslim itu meninggal dunia.

"Pindaan itu menarik balik keutamaan yang diberikan berdasarkan jantina, lantas mahkamah boleh memberikan surat pentadbiran kepada waris yang layak tidak kira jantina," jelas Enck Zhulkarnain.

Satu lagi usul pindaan Amla memerlukan pasangan yang memohon cerai di Mahkamah Syariah membuktikan bahawa beliau menetap di Singapura sekurang-kurangnya tiga tahun sebelum membuat permohonan cerai.

Sejajar dengan Piagam Wanita, perubahan itu memastikan seseorang itu tinggal di sini selama tiga tahun sebelum memohon cerai, lantas memastikan sistem mahkamah tidak disalahgunakan.

Menjelaskan usulan itu, pegawai Enck Abdul Rohim Sarip daripada A. Rohim Noor Lila & Partners berkata baha-

"Ketika ini, jika seorang wanita Muslim meninggal dunia, waris lelaki diberi keutamaan untuk diberi surat pentadbiran bagi mendahiri harta pusaka si mati. Keutamaan tidak diberikan apabila lelaki Muslim itu meninggal dunia. Pindaan itu menarik balik keutamaan yang diberikan berdasarkan jantina, lantas mahkamah boleh memberikan surat pentadbiran kepada waris yang layak tidak kira jantina."

– Enck Zhulkarnain Abdul Rahim, pegawai dan rakan kongsi syarikat guaman Dentons Rodyk & Davidson LLP.

va ketika ini di bawah Seksyen 35 Amla, sesiapa sahaja boleh memohon cerai di Mahkamah Syariah selagi ia merupakan perkahwinan Islam, tanpa perlu mempunyai kaitan hubungan dengan Singapura.

"Tetapi, dengan usulan pindaan Amla itu, satu pihak perlu tinggal di Singapura selama tiga tahun sebelum membuat permohonan cerai. Tempoh tiga tahun itu konsisten dengan Piagam Wanita. Langkah ini adalah baik kerana ia akan menghalang sesiapa sahaja daripada menyalahgunakan sistem mahkamah Singapura," jelas Enck Rohim.

Soal penjagaan anak dan nafkah suami boleh dibuat permohonan di Mahkamah Keluarga tanpa perlu menunggu selama tiga tahun.

### ANTARA USUL UTAMA PINDAAN AMLA

#### APA ITU AMLA?

Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Amla) mula beroperasi di Singapura pada 1 Julai 1968 untuk menyediakan satu sistem pentadbiran pusat yang meliputi semua aspek kehidupan masyarakat Muslim di Singapura.

Majlis Ugama Islam Singapura (Muis) merupakan badan berkanun yang bertanggungjawab terhadap etwal Muslim di Singapura. Amla juga mengawal Mahkamah Syariah dan Pejabat Pendaftaran Perkahwinan Orang Islam sejak 1976.

#### MENGAPA AMLA DIPINDA? BAGAIMANA PROSES PINDAAN?

Perubahan itu bertujuan memperkuh institusi Islam, meningkatkan pengurusan aset Islam dan mengukuhkan keluarga Islam.

Menteri Bertanggungjawab bagi Etwal Masyarakat Islam, Dr Yaseen Ibrahim, telah membentangkan Rang Undang-Undang Pentadbiran Undang-Undang Islam (Pindaan) di Parlimen bagi bacaan pertama pada 3 Julai lalu.

Pindaan yang diusul itu dilakar dengan kerjasama Muis, Mahkamah Syariah, Pejabat Pendaftaran Perkahwinan Orang Islam (ROMM) dan Kementerian Pembangunan Sosial dan Keluarga (MSF). Ia turut mengambil kira maklum balas dan cadangan yang disampaikan perubahan masyarakat dan pihak awam.

Proses perundingan awam selama sebulan telah dijalankan sebelum itu, dengan orang ramai diundang memberi maklum balas berhubung pindaan itu. Rang undang-undang itu akan dibentangkan bagi bacaan kedua di sesi Parlimen seterusnya.

#### APAKAH ANTARA SARANAN PINDAAN TERHADAP AMLA?

##### (1) MEMPERKUHKAN INSTITUSI ISLAM

- \* Pihak yang memohon cerai di Mahkamah Syariah perlu membuktikan beliau menetap di Singapura sekurang-kurangnya tiga tahun sebelum permohonan.
- \* Membenarkan suami menuntut cerai tanpa menamatkan talak di luar Mahkamah Syariah. Buat masa ini hanya isteri dibenarkan berbuat demikian.
- \* Perjalan keperluan bagi pasangan mendapat kebenaran – secara prinsip – daripada ROMM jika beradang mendapatkan wali untuk diijaz kabul.

##### (2) MEMPERKASA PENGURUSAN ASET ISLAM

- \* Kebenaran Muis diperlukan untuk melantik pemegang amanah baru dan sebelum proses mahkamah dimulakan untuk melantik pemegang amanah atau melucutkan kuasanya.
- \* Menambah dan memperjelas kuasa Muis bagi melucutkan kuasa mutawalli – pengurus wakaf atau masjid – termasuk pemegang amanah.
- \* Memulakan dana terikat bersejarah bagi penjagaan masa depan dan pembangunan wakaf.
- \* Memperjelas penggunaan Dana Pembiayaan Masjid dan Mendaki (BIMAF) bagi tujuan memperkasa dan membina masjid baru serta pendidikan.

##### (3) MEMPERKUHKAN KELUARGA ISLAM

- \* Pasangan berkahwin (salah seorang berusia bawah 21 tahun) perlu menjalani program persiapan rumah tangga dan mendapat kebenaran ibu bapa atau penjaga sebelum mendahiri dengan ROMM.
- \* Mahkamah Syariah boleh melantik wakil bagi anak dalam perundingan perceraian dan mendapatkan laporan kaunselor di sebarang tahap proses perceraian, terutama bagi tujuan menentukan hak jagaan.
- \* Mahkamah Syariah boleh mengarahkan pasangan yang ingin bercerai menghadiri program menyolatkan perkahwinan sebelum proses bermula.
- \* Meniadakan dasar yang menggarap harta benda milik suami dan isteri sebagai milik suami apabila ia dituntut pemintang.
- \* Meniadakan layanan berbeza dalam pentadbiran harta pusaka suami dengan isteri.